

## **TEKS UCAPAN Y.BHG. NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS GRADUASI KE - 21**

**TEMPAT:**

**MAKTAB RENDAH SAINS MARA**

**TUN GHAFAR BABA**

**TARIKH :**

**20 OKTOBER 2007**

TEKS UCAPAN YBHG DATUK PROFESOR Ir. ISMAIL  
BIN HASSAN, NAIB CANSELOR UNIVERSITI  
TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA, SEMPENA MAJLIS  
GRADUASI KE 21, MAKTAB RENDAH SAINS MARA  
TUN GHAFAR PADA 20 OKTOBER 2007 JAM 2.30  
PETANG.

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM  
ASSALAMUALAIKUM WRT WBT

YBHG. EN. ABDUL SYUKUR BIN MAHMUD  
PENGARAH MARA NEGERI MELAKA

YANG BERUSAHA TN. HJ KHALIL BIN ABD RAHMAN  
PENGETUA MRSM TUN GHAFAR BABA, JASIN

DIF-DIF JEMPUTAN, GURU-GURU DAN KAKITANGAN,  
IBU BAPA SERTA GRADUAN YANG DIRAIKAN  
SEKALIAN

ALHAMDULILLAH BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH  
SWT KERANA DENGAN LIMPAH KURNIANYA DAPAT  
KITA BERSAMA-SAMA MERAIKAN MAJLIS GRADUASI  
MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM) TUN  
GHAFAR BABA KALI YANG KE 21 PADA PETANG INI.

TERLEBIH DAHULU SAYA MENGAMBIL  
KESEMPATANINI UNTUK MENGUCAPKAN JUTAAN  
TERIMA KASIH KEPADA MRSM TUN GHAFAR BABA  
KERANA MENGUNDANG SAYA KE MAJLISINI UNTUK  
MENYAMPAIKAN UCAPAN PERASMIAN, DAN  
SETERUSNYA MENYAMPAIKAN SIJIL KEPADA PARA  
GRADUAN.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

SAYA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA SEMUA GRADUAN TINGKATAN LIMA SERAMAI 404 ORANG YANG BERSAMA KITA DI DALAM DEWANINI KERANA TELAH MENERIMA PENGIFTIRAFAN YANG SANGAT BESAR LAGI BERMAKNAINI.

SAYA PERCAYA MAJLIS GRADUASIINI BAKAL MENJADI PEMBAKAR SEMANGAT KEPADA ANAK-ANAK SEMUA UNTUK MENDUDUKI PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) YANG AKAN BERMULA PADA 12 NOVEMBER HINGGA 05 DISEMBER 2007 DENGAN KEYAKINAN YANG TINGGI.

DENGAN ITU ANDA AKAN LEBIH BERSEDIA DARI ASPEK PSIKOLOGI DI SAMPING TELAH CUKUP BERSEDIA DENGAN ILMU PENGETAHUAN YANG ADA UNTUK MENDUDUKI PEPERIKSAAN SPMINI BAGI MENCAPAI KEPUTUSAN YANG CEMERLANG, TIDAK SAHAJA UNTUK DIRI SENDIRI TETAPI JUGA

BAGI MENGHARUMKAN NAMA MRSM TUN GHAFAR BABA.

INI TERBUKTI APABILA MRSM TUN GHAFAR BABA TELAH MENEMPAH KEJAYAAN DALAM BIDANG AKADEMIK APABILA MENJADI SEKOLAH TERBAIK YANG MENDAPAT TEMPAT PERTAMA MEMPEROLEHI KEPUTUSAN CEMERLANG BAGI PEPERIKSAAN SPM SEBANYAK 3 KALI, IAITU PADA TAHUN 2001, 2005 DAN 2006 PADA PERINGKAT SELURUH MRSM DAN JUGA SELURUH MALAYSIA.

INI ADALAH SATU PENCAPAIAN YANG SANGAT MEMBERANGSANGKAN DAN PERLU DITERUSKAN. SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA SELURUH WARGA MRSM TUN GHAFAR BABA TERUTAMANYA KEPADA PENDIDIK DAN PENTADBIR YANG TELAH BERUSAHA GIGIH TANPA MENGENAL JEMU DEMI KEJAYAAN ANAK BANGSA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

MEMPEROLEHI KEPUTUSAN YANG CEMERLANG DALAM PEPERIKSAAN SPM ADALAH SANGAT PENTING BAGI MENERUSKAN CITA-CITA UNTUK MENUNTUT ILMU DI PERINGKAT YANG LEBIH TINGGI.

INI KERANA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SPM YANG DIPEROLEHI ADALAH TIKET YANG AKAN MELAYAKKAN SESEORANG PELAJAR UNTUK MEMASUKI UNIVERSITI, IAITU SEBUAH TEMPAT YANG MENJADI CITA-CITA KITA SEMUA SEJAK MULA MELANGKAH KE ALAM PERSEKOLAHAN.

HANYA PELAJAR YANG MEMPEROLEHI KEPUTUSAN YANG CEMERLANG SAHAJA AKAN DITAWARKAN MELANJUTKAN PELAJARAN KE UNIVERSITI DARIPADA RIBUAN YANG MEMOHON DI UNIVERSITI

ANDA AKAN MENERUSKAN PENGAJIAN SAMA PADA PERINGKAT DIPLOMA MAHUPUN IJAZAH, KEMUDIANNYA KE PERINGKAT SARJANA DAN DOKTOR FALSAFAH DALAM BIDANG TERTENTU.

BAGI PELAJAR-PELAJAR YANG SANGAT CEMERLANG MEREKA AKAN DITAWARKAN UNTUK MELANJUTKAN PELAJARAN DI UNIVERSITI TERNAMA DI LUAR NEGARA SERTA MENDAPAT PENAJAAN PENGAJIAN SAMA ADA OLEH PIHAK KERAJAAN ATAU PUN PIHAK SWASTA. SESETENGAH DARI MEREKA YANG DITAJA AKAN TERUS DITAWARKAN PEKERJAAN SEBAIK SAHAJA TAMAT PENGAJIAN.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

ANAK-ANAK SEKALIAN, ANDA MASIH BERADA PADA USIA YANG MUDA. UNTUK ITU PERJALANAN BAGI

MENCAPAI KEGEMILANGAN AKADEMIK MASIH JAUH DAN TERBENTANG LUAS. BERBEKALKAN SIJIL GRADUASI YANG DITERIMA PADA MAJLISINI, SERTA DIIRINGI DENGAN DOA DAN HARAPAN DARIPADA IBU BAPA, GURU-GURU DAN RAKAN-RAKAN, SAYA YAKIN INSYAALLAH ANDA BAKAL MENJADI INSAN YANG CEMERLANG.

SEAJAR DENGAN MATLAMAT PENUBUHAN MRSM IAITU UNTUK MENINGKATKAN PENGETAHUAN DAN PENGUASAAN DALAM ILMU SAINS DAN TEKNOLOGI DI KALANGAN MASYARAKAT BUMIPUTRA, MAKA MENJADI TANGGUNGJAWAB ANAK-ANAK SEKALIAN UNTUK MEREALISASIKAN HARAPANINI.

MATLAMATINI PERLU DICAPAI SUPAYA ANDA MAMPU MENJADI MODAL INSAN KELAS PERTAMA SEPERTI YANG DIHARAPKAN DEMI KEMAKMURAN DAN KESEJAHTERAAN NEGARA. DALAM DUNIA YANG SEMAKIN GLOBAL, KITA MEMERLUKAN

MODAL INSAN YANG MAHIR DALAM PELBAGAI BIDANG ILMU PENGETAHUAN TERUTAMANYA ILMU SAINS DAN TEKNOLOGI.

PENGUASAAN ILMU SAINS DAN TEKNOLOGI DAPAT MENINGKATKAN DAYA SAING NEGARA DI PERINGKAT GLOBAL BAGI MENGHADAPI PERSAINGAN YANG SEMAKIN SENGIT. MELALUI PENGETAHUAN SAINS DAN TEKNOLOGI KITA AKAN MENCAPAI MATLAMAT WAWASAN 2020 UNTUK MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA MAJU TERUTAMANYA DALAM SEKTOR PERINDUSTRIAN.

UNTUK ITU, KESEDARAN AKAN KEPENTINGAN SAINS DAN TEKNOLOGI PADA PERINGKAT SEKOLAH LAGI ADALAH AMAT PERLU. ANAK-ANAK SEKALIAN ADALAH GOLONGAN YANG SANGAT DIHARAPKAN UNTUK MENCAPAI KECEMERLANGAN DALAM BIDANGINI, DENGAN MEMBUKTIKAN KEMAMPUAN MENDAPAT KEPUTUSAN YANG

CEMERLANG DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI YANG DIIKUTI SEKARANG.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN

SELAIN DARI PENEKANAN DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI, PELAJAR MRSM JUGA DIBERI PENEKANAN DALAM ASPEK PEMBANGUNAN SAHSIAH DIRI. MATLAMATNYA ADALAH UNTUK MENJADIKAN ANDA MANUSIA YANG SEIMBANG ANTARA TUNTUTAN DUNIAWI DAN UKHRAWI. ANAK-ANAK JUGA ADALAH HARAPAN NEGARA UNTUK MENERUSKAN KEPIMPINAN YANG ADA.

ANAK-ANAK SEKALIAN ADALAH GOLONGAN YANG TERPILIH DARIPADA RIBUAN YANG MEMOHON UNTUK MEMASUKI MRSM.INI BERMAKNA BAHAWA ANAK-ANAK SEKALIAN ADALAH MEREKA YANG TERBAIK, YANG DIHARAPKAN MENJADI CONTOH

ATAU 'ROLE MODEL' KEPADA MASYARAKAT PADA SUATU HARI NANTI.

DISEBABKAN ITU MAKA DI MRSM INI, ASPEK KEMAHIRAN INSANIAH ATAU 'SOFT SKILL' TURUT DIBERI PERHATIAN. INI TERMASUKLAH MENERAPKAN NILAI-NILAI PATRIOTISME, PENGUASAAN ASPEK KOMUNIKASI, KREATIVITI, KERJA BERPASUKAN DAN SEBAGAINYA. IA DITERAPKAN MELALUI PENYERTAAN PELAJAR DALAM AKTIVITI-AKTIVITI KOKURIKULUM SEPERTI AKTIVITI SUKAN, REKREASI, KEBUDAYAAN, KEAGAMAAN, PERSATUAN DAN SEBAGAINYA.

SAYA DIFAHAMKAN BAHAWA MRSM TUN GHAFAR BABA KERAP MENYERTAI PELBAGAI PERTANDINGAN SAMA ADA PADA PERINGKAT NEGERI MAUPUN KEBANGSAAN. TUJUANNYA IALAH UNTUK MENCUNGKIL BAKAT DAN POTENSI PELAJAR SUPAYA MEREKA MEMPUNYAI

KEBERANIAN DAN KEYAKINAN DIRI DI SAMPING DAPAT MENGHARUMKAN MRSM TUN GHAFAR BABA,

ANTARA KEJAYAAN YANG MEMBANGGAKAN PADA TAHUN INI IALAH MRSM TUN GHAFAR BABA TELAH BERJAYA MENJADI JOHAN KESELURUHAN DALAM PERTANDINGAN TUNAS SAINTIS PERINGKAT KEBANGSAAN YANG DIADAKAN DI KALANGAN MRSM SELURUH NEGARA.

INI TELAH MELAYAKKAN MRSM TUN GHAFAR BABA DISENARAIKAN UNTUK MEWAKILI NEGARA DALAM KATEGORI BIOLOGI DI *INTEL INTERNATIONAL SCIENCE AND ENGINEERING FAIR*. SYABAS DAN TAHNIAH DIUCAPKAN DENGAN PENCAPAIAN YANG MEMBANGGAKANINI.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN

KEPADABIUBAPA,SAYA AMAT TERHARUDENGANKEHADIRANTUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA DI DEWANINI. WALAUPUN SIBUK DENGANSUASANA HARI RAYA TETAPI MASIH SANGGUPMENGHADIRKANDIRI UNTUK SAMA-SAMA MERAIKAN KEJAYAAN ANAK-ANAK KITA.

SEBAGAI IBU BAPA, KITA PERLU MEMBERIDORONGAN DAN SOKONGAN MORAL KEPADAANAK-ANAK SUPAYA MEREKA MEMPUNYAI SEMANGAT YANG TINGGI UNTUK MENDUDUKIPEPERIKSAAN SPM YANG BAKAL DIDUDUKI TIDAK LAMA LAGI. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB MENDIDIK PERLU DIKONGSI BERSAMA OLEH PARA GURU DAN JUGA IBU BAPA AGAR ANAK-ANAK KITAMEMPEROLEHI KEJAYAAN YANG CEMERLANG.

SAYA MENGAMBIL KESEMPATANINI UNTUK MENGUCAPKAN SELAMAT MAJU JAYA KEPADA SEMUA GRADUAN. TERIMA KASIH KEPADA MRSM

TUN GHAFAR BABA KERANA MENGUNDANG SAYA  
KE MAJLISINI.

AKHIR SEKALI DENGAN LAFAZ  
BISMILLAIRRAHMANIRRAHIM, SAYA MERASMIKAN  
MAJLIS GRADUASI MRSM TUN GHAFAR BABA KE 21.  
SEKIAN TERIMA KASIH  
WABILLAHI TAUFIK WALHIDAYAH ASM.WRT.WBT.